

## **SPESIFIKASI STANDARD TERUNG PEPARU MINI**

### **1. SKOP**

Spesifikasi gred ini akan meliputi varieti Terung Peparu Mini tempatan (*Solanum melongena L.*) dari keluarga *Solanaceae* yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Ia juga dikenali sebagai terung pendek di pasaran tempatan.

### **2. DEFINISI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. ***Kematangan*** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.1.1. ***Indeks 1***: Kulit berkilat dan berwarna ungu gelap. Bahagian hujung buah berwarna ungu. Jika dipotong, isi tidak menunjukkan struktur biji atau biji masih kelihatan muda/putih. Tidak matang

2.1.2. ***Indeks 2***: Kulit berkilat dan berwarna ungu cerah. Terdapat tompok putih di bahagian hujung buah. Jika dipotong, isi mula menunjukkan struktur biji berwarna keperangan. Matang.

2.1.3. ***Indeks 3***: Kulit berkilat dan berwarna ungu keputihan. Terdapat tompok putih di bahagian hujung buah. Jika dipotong, isi mula menunjukkan struktur biji berwarna perang. Terlalu matang.

2.2. ***Kematangan seragam*** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks sahaja (indeks 2) dalam satu pembungkusan.

2.3. ***Segar*** - Mempunyai kulit yang tidak berkedut dan tekstur isi yang padat.

2.4. ***Sempurna bentuk*** - Terung tersebut mempunyai ciri-ciri dan bentuk varietinya.

2.5. ***Bersih*** - Bebas daripada kesan kotoran seperti tanah dan benda asing.

- 2.6. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
  - 2.6.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti tanah, sarang serangga, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain benda asing.
  - 2.6.2. **Cacat bentuk**- Berbentuk tidak normal seperti ketara bengkok, terbantut atau bentuk yang tidak sempurna bagi varieti berkenaan.
  - 2.6.3. **Cacat rupa** - Tanda-tanda yang mencatitkan rupa luaran seperti kesan karat, nyahwarna luar biasa dan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.
- 2.7. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
  - 2.7.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka kulit, pecah, tiada tangkai dan sebagainya.
  - 2.7.2. Sebarang kecederaan atau kerosakan seperti berlubang dan kesan gigitan oleh perosak.
  - 2.7.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat.

### 3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran. (minimum Indeks 2)
- 3.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3. Masih bertampuk.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Terung dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 3$ $\leq 5$ $\leq 5$
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$
<b>2</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$

- 4.2. Bagi Terung, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (sm) sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD		PANJANG (sm)
Besar	L	A	>15
Sedang	M	B	10.1-15.0
Kecil	S	C	8.0-10.0

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Terung Peparu Mini daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

## 6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "Method of Sampling For Fresh Vegetables", atau kaedah statistik yang dipersetujui.